

Warisan  
Melayu dalam  
*Multidimensi*



Warisan  
Melayu dalam  
*Multidimensi*

*disunting oleh*  
ZUBIR IDRIS  
MUHD NORIZAM JAMIAN  
YUSMILAYATI YUNOS

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI • 2023  
[www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit)

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2023  
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
www.ukm.my/penerbit  
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/  
*MALYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL*  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/  
*MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION*  
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*  
MASSA CREATIVE ENTERPRISE  
Back Side of GF-03A, Menara Paragon,  
Persiaran Bestari, Cyber 11, Cyberjaya  
63000 Cyberjaya, Selangor D.E



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-486-029-2

# Kandungan

---

*Senarai Jadual, Rajah & Gambar ... 7*

*Prakata ... 9*

BAB 1 Keintelektualan Warisan Melayu dalam Multidimensi ... 11  
*Zubir Idris, Muhd Norizam Jamian & Yusmilayati Yunos*

BAB 2 Estetika dalam Nashkah KHA 262 *Syair Dagang Piatu Adanya ... 18*  
*Muhammad Shukri Abdullah & Zubir Idris*

BAB 3 Estetika dalam *Syair Seribu Satu Hari ... 37*  
*Mariyatul Khibtiyah Othman & Zubir Idris*

BAB 4 Lakaran Kejayaan dalam Syair Diraja Melayu Perak-Johor Era Kontemporari ... 56  
*Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Shaiful Bahri Md. Radzi*

BAB 5 Cerita Legenda dalam Kalangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan ... 71  
*Siti Hajar Sabri & Muhd Norizam Jamian*

BAB 6 Latar Budaya Malaysia-Indonesia dalam *Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah ... 85*  
*Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian*

- BAB 7 Akulturasi Budaya Makanan Korea dalam Masyarakat Melayu ... 105  
*Nur Anis Farahhin Mat Rukimin & Muammar Ghaddafi Hanafiah*
- BAB 8 Bentan dalam Budaya Masyarakat Melayu ... 119  
*Azlina Musa & Yusmilayati Yunos*
- BAB 9 Pembuatan Wau Helang di Perlis ... 131  
*Nor Adilah Ali & Yusmilayati Yunos*
- BAB 10 Pemuliharaan Permainan Tradisional Kuit Etnik Kedayan di Sarawak ... 155  
*Afni Aqikah Bair & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff*
- BAB 11 Peranan Buapak dalam Tadbir Urus Adat Perpatih Suku Sri Lemak Pahang ... 174  
*Siti Nur Syawaliah Hamid & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff*
- BAB 12 Pemuliharaan Warisan Menerusi Pendekatan Guna Semula Bangunan Bersejarah ... 190  
*Daeng Haliza Daeng Jamal*
- Rujukan ... 205*  
*Senarai Penyumbang...217*  
*Indeks ... 221*

## Senarai Jadual & Rajah

---

- JADUAL 12.1 Bangunan bersejarah di Perak yang telah digunakan semula ... 200
- JADUAL 12.2 Bangunan bersejarah di Kuala Lumpur yang telah digunakan semula ... 201
- JADUAL 12.3 Bangunan bersejarah di Kelantan yang telah digunakan semula ... 202
- RAJAH 5.1 Peranan cerita legenda ... 79
- RAJAH 8.1 Amalan dalam berpantang bagi wanita bersalin ... 127
- RAJAH 8.2 Berurut bagi wanita bersalin ... 128
- RAJAH 8.3 Sakit bentan akibat melanggar pantang larang bersalin... 129
- RAJAH 9.1 Bahan dan peralatan yang digunakan untuk membuat wau ... 131
- RAJAH 9.2 Saiz dan ukuran buluh yang telah dibelah ... 135
- RAJAH 9.3 Proses mengikat hujung sayap ... 137
- RAJAH 9.4 Buluh dilengkungkan untuk menguji keseimbangan buluh ... 138
- RAJAH 9.5 Proses mengikat ekor pada tulang belakang ... 139
- RAJAH 9.6 Binaan Wau Helang ... 140
- RAJAH 9.7 Proses mengikat benang pada rangka ekor kiri ... 141
- RAJAH 9.8 Proses mengukur kelebaran sayap wau ... 141
- RAJAH 9.9 Rangka Wau Helang yang telah siap ... 142
- RAJAH 9.10 Rangka wau yang telah dipasang tanah ... 143
- RAJAH 9.11 Lakar bentuk rangka wau menggunakan pen *marker* ... 145
- RAJAH 9.12 Potong kertas warna yang telah siap dilakar ... 145
- RAJAH 9.13 Proses melipat bahagian sayap ... 146
- RAJAH 9.14 Proses melukis motif pucuk dan daun ... 147

- RAJAH 9.15 Proses memotong corak pada bahagian sayap wau ... 147
- RAJAH 9.16 Kertas diratakan sehingga semua bahagian kertas melekat sempurna ... 148
- RAJAH 9.17 Proses menyobek motif lapisan pertama wau ... 149
- RAJAH 9.18 Bahagian sobek yang tidak melekat akan diratakan menggunakan berus gam ... 150
- RAJAH 9.19 Jambul atau rambu pada kepala Wau Helang ... 151
- RAJAH 9.20 Struktur bahagian busur wau ... 152
- RAJAH 9.21 Teraju pada Wau Kucing ... 153
- RAJAH 12.1 Candi Bukit Batu Pahat, Lembah Bujang, Kedah ... 193
- RAJAH 12.2 Variasi bentuk bumbung rumah tradisional Melayu ... 194
- RAJAH 12.3 Ilustrasi binaan Candi Bukit Batu Pahat, Lembah Bujang, Kedah dilengkapi struktur kayu dan atap dari sumber alam semula jadi ... 194



## Prakata

---

Berkayuh sampan ke Pelinggam Cahaya,  
Bawa dagangan dari Khurasan;  
Kerencaman ilmu ekspresi budaya,  
Intelek Melayu pusaka warisan.

Buku *Warisan Melayu dalam Multidimensi* menghimpunkan tulisan-tulisan yang menonjolkan pelbagai dimensi ilmu dalam warisan Melayu. Bersesuaian dengan judulnya, buku ini memperkatakan hal-hal yang bersangkutan dengan pelbagai korpus ilmu yang mengajukan kebijakan dan keintelektualan warisan yang ditinggalkan, diamalkan dan dibangunkan oleh masyarakat Melayu. Kepelbagaian penelitian yang termuat dalam buku ini merangkumi bahan-bahan bersumberkan manuskrip Melayu lama, sastera lisan, permainan tradisional, perubatan tradisional hinggalah kepada perlakuan budaya selain daripada perkara yang bersangkutan dengan pemuliharaan warisan. Berdasarkan korpus ilmu yang berkaitan dengan warisan tersebut, 12 Bab himpunan makalah ini membincangkan dan memperkatakannya daripada pelbagai aspek dan perspektif. Secara umum, buku ini mengemukakan rumusan, analisis serta dapatan baharu berdasarkan kebijakan dan keintelektualan masyarakat Melayu, yang dapat menggambarkan kearifan tempatan masyarakat yang menghasilkannya.

Rakaman pemikiran yang diabadikan dalam manuskrip, estetika dan kehalusan bicara dalam sastera lisan, keunikan permainan tradisional, gambaran identiti dalam perlakuan budaya dan pengekaln khazanah warisan dikupas daripada pelbagai dimensi. Kerencaman korpus ilmu ini dibincangkan dalam konteks teori, amalan dan simbol budaya. Selain daripada mengajukan dimensi baharu dalam warisan budaya, buku ini juga mengangkat isu kelestarian serta kemapanan warisan budaya masyarakat Melayu.

Terdapat 12 bab dalam buku ini yang memperagakan pelbagai keintelektualan warisan pengarang Melayu menerusi pelbagai dimensi, yang dapat diklasifikasikan mengikut tema yang tertentu. Dalam Bab 1, keintelektualan warisan Melayu yang terakam dalam pelbagai dimensi

ini diperkatakan secara menyeluruh. Warisan ilmu yang bertemakan manuskrip Melayu dibincangkan dalam Bab 2, Bab 3 dan Bab 4, yang diikuti pula perbincangan bertemakan warisan ilmu cerita lisan dalam Bab 5 dan Bab 6. Seterusnya, terdapat empat bab yang memperkatakan tentang warisan kearifan Melayu, seperti yang diperincikan dalam Bab 7, Bab 8, Bab 9 dan Bab 10. Tulisan yang menyentuh tentang warisan adat pula dibincangkan dalam Bab 11 dan akhir sekali Bab 12 yang memperkatakan tentang warisan binaan.

Antara objektif menghasilkan buku ini adalah untuk memperkenalkan kepelbagaian ilmu yang dapat mempamerkan keintelektualan masyarakat Melayu dalam pelbagai dimensi. Buku ini juga bertujuan untuk memperkayakan ruang lingkup ilmu dalam bidang warisan budaya.

Buku ini diharap dapat dijadikan rujukan untuk mencambahkan lagi penelitian para sarjana serta pengkaji budaya dalam mengangkat keintelektualan masyarakat Melayu. Sumbangan ini diharap dapat melestarikan bidang pengajian Melayu agar tidak hilang ditelan zaman.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada para pemakalah yang telah menyumbangkan tulisan hingga lahirnya buku ini. Makalah-makalah yang dihimpunkan dalam buku ini merupakan penulisan ilmiah daripada pelbagai peringkat pengajian serta beberapa kajian lanjutan di bawah geran penyelidikan. Penghargaan turut dititipkan pada Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya Penerbit UKM yang telah meluluskan Dana Penerbitan Buku (DPB-2023-048) untuk tujuan penerbitan buku ini.

Akhir kata, diharap buku ini dapat mencetuskan kesedaran dan seterusnya menghargai kekayaan watan yang berbudaya tinggi. Semoga buku ini bermanfaat untuk menyalurkan ilmu serta menimbulkan minat kepada generasi akan datang untuk meneroka lebih mendalam lagi terhadap khazanah warisan Melayu.

Subur merendang pohon rambutan,  
Daunnya menghijau berbuah lebat;  
Intelek Melayu khazanah watan,  
Lestari warisan sama dimartabat.

*Zubir Idris*  
*Muhd Norizam Jamian*  
*Yusmilayati Yunos*